

Sesi Taklimat Kerjaya Oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh: Pn. Wan Saniah Wan Yahya

Pada 5 April 2011, bertempat di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, telah diadakan satu taklimat kerjaya oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Sesi berkenaan yang telah dianjurkan oleh Unit Kaunseling & Kerjaya JHEPA, memberi maklumat mengenai peluang kerjaya di UTeM. Beberapa orang pegawai dari UTeM telah hadir bagi memberikan taklimat berkenaan kepada pelajar UniMAP. Antara maklumat yang disampaikan termasuklah laluan kerjaya ke UTeM dan syarat-syarat yang diperlukan bagi memenuhi jawatan yang ditawarkan. Program tersebut merupakan salah satu program jelajah IPTA yang dilakukan oleh pihak UTeM dalam usaha menambah bilangan pensyarah dalam bidang kejuruteraan.